

Banjir: PKR akui gagal selenggara parit

SHAH ALAM 18 Ogos - Kerajaan PKR Selangor mengakui gagal menyelenggara sistem perparitan dengan baik sehingga menyebabkan banjir kilat berlaku di beberapa kawasan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Zaidy Abdul Talib berkata, setakat Januari hingga Ogos ini, sebanyak 95 kes banjir kilat direkodkan di Selangor.

Menurutnya, kes banjir itu melibatkan 77 kawasan dengan 20 daripadanya merupakan lokasi baharu.

"Sepanjang 2015, tiada satu pun sungai melepasi paras bahaya dan 95 kes banjir kilat yang berlaku adalah disebabkan masalah per-

paritan yang tidak diselenggara dengan baik.

"Sistem perparitan yang masih mengikut reka bentuk lama dengan kadar taburan hujan yang luar biasa menyebabkan longkang tidak dapat menampung (jumlah air yang luar biasa)," katanya ketika menjawab soalan lisan daripada

Datuk Mohd. Shamsudin Lias (BN-Sungai Burong) dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini hari ini.

Zaidy menjelaskan, bagi menyelesaikan masalah berkenaan, pihaknya mencadangkan peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan



ZAIDY ABDUL TALIB

Raya (Marris) digunakan untuk menaik taraf sistem perparitan.

Katanya, sebanyak 314 kolam takungan sedia ada yang sebelum ini diselia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pemaju juga akan dipertanggungjawabkan kepada agensi kerajaan itu sahaja.

"Setakat ini sebanyak 84 kolam takungan telah diselia oleh JPS melibatkan kos sebanyak RM6.7 juta untuk kerja-kerja pendalaman.

"Selain itu, kerajaan negeri turut bercadang menambah kolam takungan untuk mengatasi masalah banjir," katanya.